

ORANG JAWA DI SELANGOR KEDATANGAN DAN PENEMPATAN

oleh:

KHAZIN MOHD. TAMRIN

KEDATANGAN orang-orang Jawa ke Tanah Melayu memang telah bermula sejak sebelum abad kesembilan lagi. Dalam zaman kegemilangan kesultanan Melaka masyarakat Jawa telah mempunyai sebuah perkampungannya yang terletak disebelah Hilir Melaka. Walaubagaimanapun, penempatan mereka hanyalah merupakan sebuah penempatan pedagang-pedagang sahaja. Apabila Portugis menakluki Melaka, penempatan mereka juga turut hilang selepas kira-kira satu dekad dibawah pemerintahan Portugis. Sejak abad 16 hinggalah abad 18, penempatan orang-orang Jawa di Malaya tidak dapat dikesan. Kemungkinan besar ialah kerana tidak adanya faktor tarikan yang boleh menggerakkan mereka untuk datang ke Tanah Melayu. Disamping itu pula keadaan di Jawa masih belum lagi merasai kesan-kesan yang memuncak akibat penjajahan, pertambahan penduduk dan masalah-masalah ekonomi yang sempit. Abad 19 adalah merupakan zaman perubahan didalam ekonomi dunia. Kawasan Tenggara Asia, khususnya Kepulauan Melayu adalah masih tetap merupakan kawasan pembekal utama bahan-bahan mentah kepada negara-negara Eropah. Para penjajah yang berkenaan telah mulai menjalankan rancangan-rancangan pembangunan ekonominya. British di Tanah Melayu, sejak awal abad 19, memang sudah mengalami masalah kurangnya tenaga buruh, kerana kurangnya bilangan penduduk tempatan dan juga kurangnya minat penduduk tempatan untuk bekerja sebagai buruh kepada kapitalis-kapitalis barat dan kerajaan. Salah satu daripada program kerajaan British adalah melalui rancangan pembangunan pertaniannya dengan membuka kawasan-kawasan baru di luar bandar. Ini bermakna memerlukan tenaga-tenaga manusia yang ramai, berpengalaman dan penuh dedikasi dalam usaha-usahanya. Untuk memecahkan masalah ini, British begitu menaruh harapan dan kepercayaan kepada penghijrah-penghijrah daripada Indonesia. Beberapa langkah tertentu telah dijalankan untuk menggalakkan kedatangan mereka.

Orang-orang Jawa adalah merupakan golongan yang paling ramai dan berminat untuk datang ke Tanah Melayu. Peluang-peluang untuk bekerja sebagai buruh dan membuka hutan adalah merupakan suatu tarikan yang kuat kepada mereka. Sejak tahun 1880an hingga menjelang perang dunia kedua, penghijrahan orang Jawa ke Tanah Melayu sentiasa berjalan dengan lancar. Dalam tahap-tahap ini juga muncul dengan banyaknya penempatan-penempatan luar bandar yang diteroka dan dimajukan oleh Orang-orang Jawa.

Dalam rencana ini, Selangor akan dipilih sebagai salah sebuah negeri Melayu yang menjadi tumpuan utama orang-orang Jawa. Walaubagaimanapun, rencana ini hanya akan melihat tentang proses kedatangan dan penempatan mereka di antara tahun-tahun 1880an-1930an. Kedatangan penghijrah-penghijrah Jawa ke Selangor adalah melalui beberapa cara dan saluran tertentu. Sebahagian besar daripada penghijrah-penghijrah itu datang adalah melalui syarikat-syarikat pengambilan persendirian yang terdapat di Jawa, terutama sekali di Jakarta (Betawi), Surabaya dan Semarang¹ dan juga di Singapura.

¹C.A. Lockhard, "The Javanese as Emigrant: Observation on the Development of Javanese Settlement Overseas," *Indonesia* no. 11, April, 1971, h. 48.

Misalnya Syarikat Mansfield² di Singapura, dengan ejennya di Semarang, pernah memainkan peranan utama sebagai syarikat yang bertanggungjawab membawa buruh-buruh kontrek dari Jawa ke Selangor. Pada tahun 1887, Syarikat ini telah dihubungi oleh Kerajaan Selangor untuk membekal seramai 200 orang buruh Jawa.³ Pada tahun 1890, sekali lagi Kerajaan Selangor berkehendakkan buruh-buruh Jawa seramai 200 orang.⁴ Antara syarat-syarat yang dikenakan oleh Syarikat Mansfield kepada Kerajaan Selangor ialah bayaran perjalanan, wang pendahuluan dan perjanjian perkhidmatan.⁵ Buruh-buruh Jawa yang hendak dihantar ke kawasan luar Jawa mesti diperiksa kesihatannya terlebih dahulu untuk menjamin agar buruh tersebut benar-benar sihat untuk bekerja. Surat perakuan doktor juga mesti ditunjukkan kepada pegawai Kerajaan, biasanya seorang pegawai dari bahagian Pesuruhjaya Pengambilan yang mengawas di pelabuhan kapal.

"Without this certificate, and without an additional one signed by the proper government authority in which it is cited that the recruit has been made aware of and that he agrees to, the clauses of the labour contract, no contract is valid."⁶

Buruh-buruh yang hendak dihantar ke kawasan luar Pulau Jawa (outlying Possession) itu dikehendaki menandatangani suatu perjanjian perkhidmatan dan isi kandungan perjanjian perkhidmatan ini akan diterangkan dengan sejelas-jelas yang mungkin oleh ejen-ejen pengambil buruh yang berkenaan sebelum ianya ditandatangani. Pesuruhjaya Pengambilan akan sentiasa mengawasi perkara-perkara ini supaya tidak berlaku sebarang penindasan dan salah faham di antara ejen pengambil buruh dan buruh-buruh.⁷ Selepas selesai menandatangani perjanjian, buruh-buruh itu akan tinggal di depoh (Pusat pengumpulan buruh) sementara menantikan kapal. Segala kemudahan dan makanan mereka adalah ditanggung oleh ejen pengambilan buruh yang berkenaan. Tetapi bagi buruh-buruh yang hendak bekerja di Malaya, biasanya perjanjian perkhidmatan mereka ditandatangani di depoh-depoh di Singapura di bawah pengawasan Pelindung Orang-orang China. (Protector of Chinese).⁸ Selepas selesai menandatangani perjanjian, pehak-pehak berkenaan yang berkehendakkan buruh-buruh Jawa itu akan membawa buruh-buruh itu ke tempat yang telah ditentukan.

²Syarikat Mansfield ialah salah sebuah syarikat perkapalan British yang besar di Singapura. Sejak tahun 1860an Syarikat ini telah memainkan peranan yang penting dalam perdagangan di kawasan Asia Timur dan Asia Tenggara. Kapal-kapal Syarikat ini bukan sahaja membawa muatan barang-barang, malahan ia juga aktif dalam mengangkut penghijrah-penghijrah ke Singapura dan Bangkok. (Lihat, Francis E. Hyde, "British Shipping Companies and East and Southeast Asia," dalam C.D. Cowan (ed.), *The Economic Development of Southeast Asia*, George Allen and Unwin Ltd., London, 1964, h. 30 - 31.

³Lihat, Surat Superintendent P.W.D. Selangor kepada Messrs. Mansfield Co., bertarikh 25.1.1887; Surat Mansfield Co. kepada Superintendent P.W.D. Selangor, bertarikh 6.2.1887; Surat Superintendent P.W.D. Selangor kepada Acting Resident Selangor, bertarikh 31.1.1887; Surat Mansfield Co. kepada Superintendent P.W.D. Selangor, bertarikh 29.1.1887. *SSF*, 316/87.

⁴Lihat, Surat Selangor Government Railway kepada Resident Selangor, bertarikh 29.3.1890, *SSF*, 1733/90.

⁵Lihat, Surat Mansfield Co., kepada Superintendent P.W.D. Selangor, bertarikh 22.1.1887, *SSF*, 316.87. Untuk meninjau contoh perjanjian perkhidmatan buruh Jawa di Selangor pada tahun 1880an, sila lihat, *SSF*, 2938/87.

⁶H.A.V.C. Torchiana, *Tropical Holland: An Essay on the Birth, Growth and Development of Popular Government in Oriental Possession* The University of Chicago Press, Chicago, 1962, h. 202.

⁷Sub-Department of Industry and Commerce of the Department of Agriculture, Industry and Commerce (Comp.), *Yearbook of the Netherland East Indies*, Albrecht & Co., Batavia, Walterverden, 1916, h. 231-232.

⁸Lihat Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877-1895; Political Change and Social Policy*, OUP, Kuala Lumpur, 1969, h. 138-139; Di Singapura, terdapat lapan buah depoh-depoh yang berkenaan di bawah 'Crimping Ordinance 1877,' *Straits Settlements Labour Commission Report 1890*, para 213, h. 34.

Disamping syarikat-syarikat pengambilan kepunyaan orang-orang Eropah, terdapat juga syarikat-syarikat pengambilan yang dipunyai oleh orang-orang Jawa sendiri yang bergelar *Sheikh*. Sheikh-sheikh ini mempunyai perhubungan juga dengan seluruh Tanah Melayu. Sebelum Perang Dunia Pertama, di Singapura terdapat banyak Sheikh-sheikh yang menjalankan perniagaan mengimpor orang-orang Jawa ke Malaya.⁹ Sebahagian besar penghijrah-penghijrah Jawa di Selangor adalah datang melalui Sheikh-sheikh ini. Biasanya segala urusan bagi penghijrah-penghijrah yang tiada mempunyai keupayaan seperti wang tambang perjalanan, tempat penginapan dan makanan adalah ditanggung oleh Sheikh-sheikh itu. Bagi penghijrah-penghijrah yang tiada upaya untuk membayar belanja perjalanan dan makanan kepada Sheikh-sheikh, mereka dikehendaki mengikat perjanjian dengan Sheikh-sheikh itu untuk bekerja dengannya dalam masa yang ditentukan tanpa sebarang bayaran. Walau bagaimanapun, biasanya penghijrah-penghijrah ini akan diserahkan kepada orang lain yang mahukan buruh murah Jawa, dan orang-orang yang berkehendakan buruh-buruh ini akan membayar segala hutang dan perbelanjaan yang ditanggung oleh penghijrah-penghijrah itu kepada Sheikh-sheikh yang berkenaan.¹⁰ Tanggungjawab Sheikh-sheikh itu selesai apabila penghijrah itu telah diserahkan kepada orang-orang tertentu yang menunggu atau yang berkehendakan penghijrah-penghijrah tersebut. Sementara itu penghijrah-penghijrah itu pula akan bekerja dengan orang yang membayarkan hutang mereka kepada Sheikh-sheikh tersebut. Orang-orang yang berkehendakan buruh atau penghijrah-penghijrah Jawa seperti ini adalah dinamakan *Penebus* (Tukang Tebus) dan penghijrah-penghijrah itu pula di panggil *Orang Tebusan*.¹¹ Orang Tebusan ini akan bekerja sebagai buruh di kebun kepunyaan Penebus itu dalam masa yang ditentukan oleh Penebus itu. Biasanya perkhidmatan yang diberikan sebagai membayar hutang kepada penebus itu tidak melebihi tempoh dua tahun.¹²

Selain daripada penghijrah-penghijrah yang tidak mampu, Sheikh-sheikh ini juga digunakan oleh penghijrah-penghijrah yang datang dengan bayaran tambang sendiri,¹³ atau dibayarkan oleh keluarga mereka. Orang yang datang dengan dibiayai oleh keluarganya adalah jenis penghijrah *boyongan*.¹⁴ Sementara itu mereka yang membayar tambang sendiri adalah terdiri dari penghijrah-penghijrah yang pernah mendengar berita tentang kemewahan hidup di Selangor. Berita ini biasanya dibawa oleh orang yang pernah tinggal di Selangor dan balik ke kampungnya di Jawa kerana tujuan menziarahi keluarga. Bagi penghijrah-penghijrah yang membayar tambang pelayaran

⁹ S. Husin Ali, *Social Stratification in Kampong Bagan*, Monograph of JM BRAS, Singapore, 1964, h. 29-30. Di antara nama-nama Sheikh-sheikh Jawa di Singapura yang terkenal dan banyak menerima pelangan di kalangan penghijrah-penghijrah Jawa ialah Sheikh Hj. Tahir, Sheikh Salleh, Sheikh Hj. Bakri dan Sheikh Sanat. Selain daripada itu, diantara Sheikh-sheikh yang lain ialah Sheikh Hj. Shukur Sanat, Sheikh Hj. Omar, Sheikh Hj. Ihsan, Sheikh Hj. Abd. Rais, Sheikh Abdullah, Sheikh Sidek, Sheikh Ahmad, Sheikh Pardi, Sheikh Jihad dan Sheikh Umar Senawi. Sementara itu diantara Sheikh-sheikh yang terdapat di Jawa ialah seperti Sheikh Hj. Idris, Sheikh Tahir, Sheikh Hj. Siraj, Sheikh Hj. Bajuri (ketiga-tiganya di Betawi), Sheikh Hj. Taib dan Sheikh Ariffin (kedua-duanya di Surabaya). Sheikh-sheikh yang disebutkan disini ialah Sheikh-sheikh yang digunakan dikalangan responden-responden (penghijrah-penghijrah) yang datang melalui ejen penghijrahan.

¹⁰ S. Husin Ali, *Social Stratification* h. 30.

¹¹ S. Husin Ali, *Social Stratification* h. 30; Temuramah dengan Remot bin Kasan, 25.4.73; Hj. Murshid bin Ahmed Kasawi, pada 24.4.73.

¹² Temuramah dengan Remot bin Kasan, pada 25.4.73, Hj. Murshid bin Ahmad Kasawi, pada 24.4.73.

¹³ Temuramah dengan Hj. Ibrahim bin Hj. Damin, pada 25.4.73; Sukarno (Hj. Yusof) bin Resodiwiro, pada 25.4.74; Hj. Tukijo bin Ahmad, pada 25.4.73; Hj. Dahlan bin Mangun, pada 24.4.74; Sarju bin Hj. Abdul Manan pada 24.4.73.

¹⁴ Temuramah dengan Hj. Addul Manan bin Hj. Ikhsan, pada 23.4.73; Wakijo bin Hj. Mohd. Nor, pada 25.4.73; Hj. Dahlan bin Mangun, pada 24.4.73; Hj. Alias bin Sukarno, pada 23.4.73; Hj. Ahmad Marjo bin Kasan Ilhar, pada 8.4.73; Said bin Palil, pada 9.4.73; Mohd. Ansar bin Mohd. Nawi, pada 21.4.73.

sendiri pula kebanyakannya tidak menghadapi masalah apabila mereka mendarat di pelabuhan, kerana di pelabuhan itu sudah ada yang menunggu mereka samada saudara mara, keluarga atau rakan sekampung. Orang-orang yang menunggu itu akan membawa penghijrah yang baru tiba itu ke tempat tinggal mereka, dimana mereka akan tinggal menumpang sehingga mereka mendapat pekerjaan. Penghijrah-penghijrah yang datang kerana sebab persendirian biasanya tidak melalui Sheikh atau ejen syarikat pengambilan Eropah. Mereka datang dengan menumpang kapal perdagangan samada secara haram atau dengan cara bekerja dalam kapal yang ditumpangi.¹⁵ Biasanya penghijrah-penghijrah Jawa yang datang ke Selangor dengan cara seperti ini ialah mereka yang tergolong sebagai orang yang *minggat* dan juga pelarian politik.

Dalam membicarakan kedatangan penghijrah-penghijrah Jawa, beberapa kejadian penipuan pernah berlaku dikalangan penghijrah-penghijrah. Ada diantaranya yang dicolek dari rumah-rumah mereka di Jawa dan dibawa ke Singapura dengan sesuka hati oleh golongan-golongan tertentu.¹⁶ Di Negeri-negeri Melayu pernah terdapat kejadian-kejadian penipuan yang dilakukan oleh kumpulan sindiket yang membawa masuk orang-orang Jawa untuk dijadikan buruh. Menurut sebuah lapuran akhbar tempatan kegiatan perdagangan manusia ada dijalankan diantara pelabuhan Semarang dan Singapura.¹⁷ Wakil sindiket-sindiket tersebut akan berjanji untuk membawa orang-orang yang berkenaan ke Mekah, bagi tujuan menunaikan fardhu haji. Setelah bilangan orang-orang yang dikehendaki cukup, wakil sindiket itu akan menghubungi ejen-ejen sindiket di Singapura untuk mendapatkan bayaran sebanyak 10 guilders bagi setiap orang yang ia perolehi. Kemudian secara rahsia, sindiket ini akan membawa orang-orang yang dikumpulkan itu ke pelabuhan Semarang untuk dibawa belayar ke Singapura dengan menggunakan kapal kepunyaan saudagar China. Perkara ini berlaku tanpa disedari oleh pihak polis dan mangsa-mangsa sindiket itu pula sentiasa menganggap bahawa mereka itu adalah dalam perjalanan ke Mekah. Apabila mangsa-mangsa itu tiba di Singapura, ejen-ejen sindiket di Singapura menerima mangsa-mangsa tersebut dan mula memperdagangkannya kepada peladang-peladang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Sementara itu terdapat juga adanya penghijrahan Jawa yang datang kerana tertipu melalui gambaran-gambaran yang mengelirukan mengenai penempatan-penempatan di Selangor dan Malaya amnya. Orang yang melakukan penipuan ini dikenali sebagai *wereg*.¹⁸ Fungsi mereka ini adalah sebagai pembantu yang berusaha untuk mendapatkan bekalan buruh yang ramai bagi syarikat-syarikat pengambilan buruh persendirian. Wereg-wereg ini akan menggunakan cara dan propaganda yang tersendiri bagi mendapatkan kamsin antara 80 hingga 100 rupiah setiap pengambilan.¹⁹ Seorang penghijrah juga mengakui adanya orang yang dijual oleh werereg pada Sheikh dan *wereg* mendapat kamsin hasil dari jualan mereka itu.²⁰ Salah satu cara yang digunakan untuk menarik minat bakal-bakal mangsa

¹⁵ Temuramah dengan Hj. Abd. Basir bin Hj. Mohd. Awam, pada 6.4.73; Abd. Jabar bin Hj. Mohd. Shariff pada 21.4.73; Hj. Jailudin bin Hassan Ahmad, pada 23.4.73.

¹⁶ S. Husin Ali, *Social Stratification* h. 30.

¹⁷ *Malay Mail* 1.2.1898, h. 3.

¹⁸ *Wereg* adalah merupakan pembantu-pembantu utama kepada broker-broker Sheikh atau pun ejen-ejen pengambilan buruh persendirian. Peranan mereka lebih kurang sama dengan yang dilakukan oleh *Kangany-kangany* dikalangan orang-orang India dan *Kheh-Thau, Kheh-Thau* dikalangan orang-orang China. Untuk melihat lebih lanjut tentang peranan *Kangany* dan *Kheh-Thau*, sila rujuk K.S. Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957*, University of Cambridge, Cambridge, 1966 dan P.C. Campbell, *Chinese Coolie Emigration to Countries Within the British Empire*, Frank Cass & Co., Ltd., London, 1971.

¹⁹ A.D.A. de Kat Angelino, *Colonial Policy*, Vol. II, M. Nijhoff, The Hague, 1931, h. 568.

²⁰ Temuramah dengan Salamon (Hj. Mohd. Yusuf) bin Mohd. Reis (Hj. Mansur) pada 18.4.73.

wereg ini ialah dengan memberi gambaran-gambaran yang berlebihan mengenai tempat dan prospek pekerjaan di Malaya.²¹ Malahan bagi bakal penghijrah-penghijrah, wereg selalu memperkatakan kemudahan mendapat isteri sekiranya mereka hendak beristeri, disamping adanya kemudahan perumahan, tanah dan kehidupan yang lumayan.²² Satu lagi cara yang kerap digunakan oleh Wereg untuk mendapatkan mangsa-mangsa dengan banyak ialah dengan menggunakan ilmu guna-guna.²³ Wereg-wereg yang mempunyai ilmu itu akan menghampiri seseorang atau sekumpulan orang yang dikehendaki itu, dan orang yang dihampiri itu biasanya akan hilang ingatan tentang keluarga dan tempat asalnya.²⁴ Cara-cara seperti ini juga pernah dilaporkan oleh Professor Malefijt yang menulis mengenai cara-cara kedatangan orang-orang Jawa ke Surinam.²⁵ Perkara-perkara yang berhubung dengan salah gambaran ini bukan sahaja dilakukan oleh wereg-wereg malah ada juga dilakukan oleh kakitangan syarikat pengambilan buruh di Semarang.²⁶

Dari keterangan-keterangan di atas terdapat tiga cara kedatangan orang-orang Jawa ke Selangor. Pertama ialah menerusi pengambil-pengambil professional seperti Sheikh-sheikh dan ejen pengambil syarikat-syarikat Eropah. Kedua, ialah dengan cara persendirian bagi mereka yang datang kerana sebab-sebab persendirian. Dan ketiga ialah menerusi penipuan oleh sindiket-sindiket tertentu. Walau bagaimanapun diantara ketiga-tiga jenis cara kedatangan ini, di dapati sebilangan besar daripada penghijrah-penghijrah yang datang ke Selangor adalah melalui ejen-ejen pengambilan khasnya Sheikh-sheikh.²⁷

Pada keseluruhannya orang-orang Jawa yang berhijrah ke Selangor tidak pernah menganggap Selangor ini sebagai negeri asing. Mereka merasakan tidak ada sebarang perbezaan dari segi iklim dan keadaan tanah-tanahnya. Hanya pada awal-awal mereka mendarat, ada diantaranya yang merasai tidak *kerasan*.²⁸ Keadaan seperti ini adalah kerana terpaksa menghadapi banyak masalah, seperti keadaan keliling yang janggal, rindukan keluarga dan tempat asal. Keadaan ini pernah mengujudkan dilemma dan perasaan berbelah bagi di dalam diri penghijrah-penghijrah, samada tetap dengan tujuan bermastautin atau kembali semula ke Jawa. Walau bagaimanapun setelah mereka mendapat pekerjaan, mendapat tanah dan mengeluarkan hasil, perasaan tidak *kerasan* itupun kian hilang. Sebaliknya telah muncul satu sikap yang baru pula, iaitu hasrat hendak terus menetap di tempat penghijrahan mereka.

²¹ Lihat, C.W.W. Parr, *Report of the Commission to Enquire into the Condition of Indentured Labour in the Federated Malay States*, F.M.S. Government Printing Office, Kuala Lumpur, 1910, Evidence no. 4, 6, 8, 9 dan 13, h. 17-18.

²² Temuramah dengan Parlan bin Karto pada 3, 4, 73; dan Wawiyah (Hjh. Asiah) bte Mertawi, pada 5.4.73; Sumari bin Masran, pada 25.4.743; mereka-mereka ini adalah antara orang-orang yang diperdayakan oleh *Wereg*.

²³ Menurut T. Iskandar, *Kamus Dewan* D.B.P., Kuala Lumpur, 1970, h. 332. Guna-guna maksudnya jampi atau mentera bertujuan untuk memikat hati seseorang.

²⁴ Seorang penghijrah pernah menyatakan mengenai penggunaan ilmu guna-guna oleh *Wereg* di Jawa. Seorang Dukun di daerah Karanganyar, bernama Hassan Mufi telah membuat sejenis minyak untuk tujuan ilmu itu. Sesiapa yang kena sentuh minyak itu tidak akan terlepas dari genggamannya orang yang membawa minyak itu. Penggunaan minyak ini pernah digunakan oleh *Wereg-wereg*. Biasanya mangsa-mangsa itu terdiri dikalangan orang muda. (Temuramah dengan Salamon (Hj. Mohd. Yusof) bin Mohd. Rais (Hj. Mansur), pada 18.4.73.

²⁵ Annemarie de Waal Malefijt, *The Javanese of Surinam*, Van Gorcum, Assen, 1963, h. 29.

²⁶ Lihat Surat J.P. Rodger kepada Colonial Secretary, bertarikh 13.6.1887, SSFI 1637/87.

²⁷ Dari hasil kajian luar didapati lebih kurang 50% daripada penghijrah-penghijrah itu adalah datang melalui ejen-ejen Sheikh.

²⁸ Maksudnya tidak tahan atau betah. Lihat Iskandar, *Kamus Dewan*, h. 113 & 525.

Sejarah penempatan orang-orang Jawa di Selangor mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan penduduk di Selangor. Pembukaan kampung-kampung dan hutan oleh orang-orang Jawa merupakan suatu sumbangan yang besar terhadap perkembangan penempatan dan penduduk Selangor. Penempatan mereka mula dapat dikesan dengan jelas kira-kira pada tahun 1880an.²⁹

Sebelum pentadbiran British diperkenalkan keadaan penempatan di Selangor tidak menunjukkan kemajuan dan adalah bertaburan. Perkampungan kecil didapati di sepanjang tebing sungai-sungai utama seperti Sungai Selangor, Sungai Kelang dan Sungai Langat. Kawasan pedalaman masih lagi diliputi hutan belantara dan paya.³⁰

Selepas tahun 1850 kawasan bijih timah di Lembah Sungai Kelang mulai menarik perhatian penghijrah dari luar. Walau bagaimanapun, perkembangan ini cuma dapat menarik perhatian penghijrah dari Negeri China.³¹ dan sehingga tahun 1880an, penghijrah China merupakan orang asing yang ramai datang ke Selangor. Namun demikian, ada beberapa bukti yang menunjukkan penghijrah-penghijrah dari Sumatera dan Jawa juga turut datang, tetapi di dalam bilangan yang amat sedikit sekali.³² Pada tahun 1860an, sejumlah kecil penghijrah-penghijrah dari Sumatera, yang terdiri dari orang-orang Mendiling, Rawa dan Batu Bara, telah datang ke Selangor.³³ Setengah dari penghijrah-penghijrah ini mungkin telah bergiat dalam perlombongan bijih timah secara kecil-kecilan di kawasan pedalaman.³⁴

Penempatan awal orang-orang Jawa tidak dapat di kesan dan diketahui dengan jelas. Tetapi sumber lisan ada menyatakan bahawa dalam masa penempatan awal orang Bugis di Selangor, terdapat orang-orang Jawa yang menjadi isteri kepada orang-orang Bugis.³⁵ Walau bagaimanapun diantara tahun 1860an terdapat bukti yang menunjukkan adanya penempatan awal orang-orang Jawa di Selangor. Di daerah Kelang, Kampung Jawa telah dibuka kira-kira pada tahun 1860an,³⁶ dan antara tokoh-tokoh yang penting dalam pembukaan kampung ini ialah Haji Hussein dari Jawa dan Haji Mohamad Tahir dari Batu Bara, Sumatera. Kedua-dua tokoh ini telah membawa kumpulan masing-masing untuk membuka dan membangunkan kampung tersebut. Penamaan Kampung Jawa juga menunjukkan bahawa bilangan penghijrah-penghijrah Jawa merupakan penghijrah yang ramai di kampung tersebut. Menjelang pentadbiran British pada 1875, satu lagi penempatan orang-orang Jawa diberitakan telah dibuka di kawasan Teluk Pulai, Kelang dibawah seorang ketua yang bernama Haji Latip. Haji Latip ini berasal dari Semarang, Jawa dan

²⁹ Lihat Peta.

³⁰ Jackson, "Population Changes in Selangor State 1850-1891", *Malayan Journal of Tropical Georgraphy* Vol. 19, December, 1964, h. 42; Menurut R.O. Winstedt, "A History of Selangor," *JMBRAS*, Vol. 12 pt. 3, 1934, h. 1. adalah dipercayai orang-orang Melayu Melaka menduduki Lembah Sungai Kelang dan Sungai Selangor sejak awal abad 15.

³¹ Jackson, "Population Changes in Selangor," h. 43.


³² Jackson, "Population Changes," h. 43.

³³ J.M. Gullick, *A History of Selangor 1742-1957*, Eastern University Press, Singapore, 1960, h. 56.

³⁴ Laidin bin Alang Musa, "The Background of the Ulu Langat Valley in Selangor," *Malayan Historical Journal*; Vol. II, no. 1, Kuala Lumpur, 1955, h. 9.

³⁵ Orang-orang Bugis adalah merupakan penghijrah dari kepulauan Melayu yang boleh dianggap paling awal membuat penempatan di Selangor. Lihat, Winstedt, "A History of Selangor", h. 151-152; J. Anderson, "Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca," *JIA*, Vol. VIII, 1854, h. 141 dan 152.

³⁶ Temuramah dengan Hj. Mohd. Said bin Hj. Hussein, Kg Jawa, Kelang, pada 21.4.1973; Hj. Karim bin Hj. Mohd. Noor, Kg. Jawa, Kelang, pada 19.4.1973; h. 213-214.



SELANGOR: MENUNJUKAN KAWASAN PENEMPATAN UTAMA ORANG-ORANG JAWA, TAHUN 1880AN-1940.

Sumber: Malaysia Barat, Sheet 2, Series L, 40A, Jabatanarah Pemetaan Negara, Malaysia, no. 78-1970.

kedatangannya ke Selangor berlaku kira-kira 28 tahun dahulu dan sudah bermastautin di Kelang selama kira-kira 10 tahun.³⁷ Sehingga tahun 1880an penempatan orang-orang Jawa belum lagi berkembang di kawasan lain.

Pada tahun 1880an, Selangor adalah salah sebuah negeri Melayu naungan Inggeris yang sedang dalam proses perubahannya akibat pentadbiran British.³⁸ Dalam tahun 1880an, Kerajaan British telah mula menyedari tentang pentingnya tanah orang-orang Melayu dilindungi dari diambil oleh bangsa asing, khususnya orang-orang China. Untuk mengekalkan tanah kampung, Kerajaan British telah menetapkan dasar-dasar tertentu yang diharapkan dapat mengekalkan identiti Melayu.³⁹ Salah satu dasar yang penting dalam pentadbiran tanah di Selangor ialah dengan menguatkuasakan undang-undang cukai tanah pada 1 Januari, 1884. Mulai dari tarikh tersebut, semua tanah-tanah yang dibuka di kawasan luar daerah Kuala Lumpur tidak dikenakan bayaran cukai (quit rent) selama tiga tahun berikutnya.⁴⁰ Dengan dasar mengelakan cukai tanah itu Kerajaan berharap akan dapat menggalakan orang Melayu membuka tanah dan mengekalkan pertanian mereka. Di samping itu tindakan Kerajaan itu adalah merupakan,

"... a great inducement to intending immigrants, and as the chief need of the country is an increased population...."⁴¹

Pandangan Residen Selangor ini telah disokong kuat oleh Pesuruhjaya tanah Selangor yang mengatakan bahawa tindakan Kerajaan itu,

"... will be eminently conducive to the rapid development and increased prosperity of the state."⁴²

Tambahan pula undang-undang tersebut akan menyelesaikan kekurangan penduduk di daerah-daerah luar Kuala Lumpur. Undang-undang ini juga diharapkan,

"... will remove a cause of discontent in the minds of native cultivators and will have the strongest tendency to render land in the outstation districts both cultivated and populous."⁴³

Pada tahun 1887, tempoh masa pelepasan membayar cukai tanah (quit rent) yang diberikan kepada peneroka-peneroka tanah baru berakhir. Seterusnya Majlis Mesyuarat Negeri Selangor telah membincangkan mengenai masalah cukai tanah ini dan pertanian padi bukit.⁴⁴ Mesyuarat memutuskan bahawa mulai daripada 1.1.1887 semua pertanian padi bukit adalah dilarang kerana ia boleh merosakan tanah.⁴⁵ Daripada tarikh yang sama

³⁷ Lihat "Note and News", *Selangor Journal*, Vol. I No. 14, 24.3.1893, h. 210.

³⁸ Lihat, Khoo, "Perubahan di setengah Negeri-negeri Melayu (1880an)", *Journal of the Historical Society University of Malaya* Vol. VIII, 1969/70, h. 106-108.

³⁹ Lihat, Philip Loh, *The Malay States 1877-1895*, h. 123.

⁴⁰ *SCM*, 19.2.1884, Microfilm 95 (reel 1), Vol. 1, 18.4.1877 — Vol. II, 28.12.1899.

⁴¹ *SCM*, 19.2.1884.

⁴² *SCM*, 19.2.1884.

⁴³ *SCM*, 19.2.1884.

⁴⁴ *SCM*, 21.8.1886, Microfilm 95 (4331 1), Vol. I, 18.4.1877 — Vol. II, 28.12.1899. Minutes of State Council meeting held at Jugra on the 21st. instant, *SSF*, 1780/86; lihat juga, The expiration of three years exemption from quit rents on agricultural land in the out districts at the end of this year, *SSF* 1388.86.

⁴⁵ Lihat, *SCM*, 21.8.1886; 'It was decided at last meeting of the State Council from and after January, 1887, no new ladangs should be allowed in any part of Selangor, *SSF*, 1785/86.

juga semua kebun atau dusun kampung dan tanah bendang yang sedang dalam proses penanaman di daerah Kuala Lumpur akan dikenakan cukai sebanyak 50 sen seekar. Sementara itu tanah-tanah yang seluas kurang dari 100 ekar di daerah yang baru dibuka akan terus tidak dikenakan cukai (quit rent) untuk selama tiga tahun selepas tarikh pembukaannya.

Penerusan mengecualikan cukai tanah kepada orang yang baru membuka tanah-tanah baru adalah merupakan suatu langkah yang menasabah dan bertimbang rasa. Kerana, dalam proses penerokaan tanah baru itu dijalankan, pengecualian cukai ini membolehkan seseorang peneroka itu,

"... to recover the expense incurred in building a house and paying off advances made to enable him to live until his first crop is gathered and (in case of a new settler) for travelling expenses and so on."⁴⁶

Langkah Kerajaan dalam pentadbiran tanah seperti ini mempunyai kesan-kesan yang baik dalam perkembangan penempatan di Selangor. Keadaan ini telah menjadi sebagai penggerak yang kuat terhadap kemasukan penghijrah-penghijrah dari Jawa dan Sumatera disepanjang tahun 1880an. Mulai tahun 1880an, beberapa penempatan baru telah dibuat di daerah-daerah pantai Selangor.

Daerah Kuala Langat adalah merupakan salah sebuah daerah yang mendapat perhatian penuh dari penghijrah-penghijrah Jawa. Pada tahun 1887, seorang yang bernama Haji Kei [Kiyai] Abdul Kadir dari Padang, Muar, telah menulis surat kepada Collector Magistrate, Langat untuk memohon tanah di daerah Kuala Langat.⁴⁷ Permohonan beliau telah diterima dan mendapat sokongan yang kuat dari Collector Magistrate, Langat.⁴⁸ Dalam proses memilih dan meluluskan permohonan-permohonan tanah, nampaknya Collector Magistrate tempatan lebih mengutamakan dan mempercayai pemohon-pemohon Jawa daripada pemohon-pemohon Melayu tempatan.⁴⁹ Hingga tahun 1888, beberapa kawasan baru sudah dibuka di daerah Kuala Langat, antaranya ialah Kelanang yang dibuka oleh Haji Kei Kadir, dan Tanjung Dua Belas yang dibuka oleh Encik Sadik.⁵⁰ Sehingga akhir tahun 1880an, Hj. Kei Kadir terus berusaha mendapatkan tanah baru di kawasan Kelanang dan usaha beliau itu telah diikuti oleh penghijrah-penghijrah Jawa yang lain.⁵¹ Pada tahun 1896, Penolong Pegawai Daerah Kuala Langat, telah melapurkan bahawa,

"... the great feature of the development of the district at present is the marked activity in planting circle at Klanang, which may without much exaggeration be described as booming in respect of Javanese."⁵²

⁴⁶ *SCM*, 21.8.1886.

⁴⁷ Lihat, surat Hj. Kei Kadir, kepada Collector Magistrate, Langat, bertarikh 20.12.1887, *SSFI* 3170/87.

⁴⁸ Lihat, Surat Collector Magistrate kepada Residen, bertarikh 20.12.1887, *SSF*, 3170/87.

⁴⁹ Lihat, 'Kuala Langat Annual Report, 1887,' *SS5*, 343/88.

⁵⁰ "Kuala Langat Annual Report, 1887," *SSF*, 343/88, melapurkan bahawa, Encik Sadik have done excellent work.

⁵¹ Lihat, Perjanjian-perjanjian pajak tanah oleh Hj. Kei Kadir bertarikh 17.1.1888 dan 23.5.1888 dan Hj. Abdullah, bertarikh 6.2.1888, *SSF*, 788/89.

⁵² "Kuala Langat Monthly Report", September, 1896, *SGG*, no. 30, 20.11.1896, h. 758.

Perkembangan yang menggalakan ini menyebabkan penolong pegawai daerah itu meluluskan 1,000 ekar tanah lagi pada akhir tahun 1896⁵³ kepada pemohon-pemohon yang kebanyakannya terdiri dari orang-orang Jawa. Orang-orang Jawa ini dikatakan sebagai 'the best colonist.'⁵⁴

Sementara itu penempatan orang Jawa di Kelang hanya mulai dilaporkan oleh Pegawai Daerah Kelang pada tahun 1890.⁵⁵ Dalam lawatannya di Jalan Teluk Menegun dan Kampung Jawa, beliau menyatakan bahawa,

"The Javanese have settled on each side [Jalan Teluk Menegun and Kampung Jawa] and their neatly laid out gardens of fruit, coffee, cocoa, betel nut and padi... look promising and refreshing."⁵⁶

Menjelang tahun 1894, diantara bangsa-bangsa Melayu yang berjumlah seramai 2,000 orang di Kelang⁵⁷ orang-orang Jawa merupakan orang yang teramai sekali. Sementara itu permohonan-permohonan tanah untuk tujuan berkebun sendiri terus dimajukan kepada Kerajaan.⁵⁸

Di daerah Kuala Selangor, penempatan awal orang-orang Jawa adalah kurang dilaporkan oleh pegawai daerah yang berkenaan. Pada tahun 1893, hanya kira-kira 20 orang penghijrah Jawa yang telah masuk ke daerah itu.⁵⁹ Pada akhir tahun 1890an pula, Pegawai Daerah Kuala Selangor, telah melaporkan bahawa di samping 30 orang Banjar yang telah memohon tanah sawah terdapat ramai juga orang-orang Jawa yang telah memohon untuk tujuan berkebun.⁶⁰

Sementara itu di daerah Kelang, beberapa buah kampung telah dibuka; Bukit Kapar telah dibuka kira-kira pada tahun 1920 oleh Abdul Wahid bin Ahmad,⁶¹ Meru telah dibuka oleh Haji Sharif bin Haji Abaul Razak, kira-kira pada tahun 1909,⁶² Kampung Rantau Panjang telah dibuka oleh Haji Siraj dan Raja Hassan pada tahun 1912,⁶³ Kampung Sungai Jati di Jalan Kampung Jawa telah dibuka oleh Haji Sidek dan Haji Mohd. Damin.⁶⁴ Di daerah Ulu Langat, Kampung Jawa telah dibuka kira-kira pada tahun 1916 oleh sekum-

⁵³"Kuala Langat Monthly Report," September, 1896, SGG, no. 30, 20.11.1896, h. 758.

⁵⁴Malay Mail, 2.8.1897, h. 3.

⁵⁵Untuk mengetahui keadaan penempatan di Kelang sebelum tahun, 1890 secara umum, sila lihat antara lain catitan-catitan dari pengembara-pengembara seperti Mohamed Ibrahim Munshi, *Kesah Pelayaran Mohamad Ibrahim Munshi*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, Johor Baru, 1956, h. 44; I Bird, *The Golden Chersonese And the Way Thither* OUP, Kuala Lumpur, 1967, h. 29.

⁵⁶C.H.A. Turney, "Klang District Monthly Report, April, 1890", SGG, Vol. II, no. 14, 29.5.1891, h. 399.

⁵⁷Lihat, SAR, 1895, h. 9; "Klang as it is," SJ, Vol. II, no. 18, 18.5.1894, h. 288.

⁵⁸Lihat W.W. Douglas, "Klang Monthly Report, September, 1896." SGG, Vol. VII, no. 28, 23.10.1896, h. 715; Malay Mail, 8.2.1897, h. 3.

⁵⁹SAR, 1893, h. 33.

⁶⁰A. Hale, "Kuala Selangor Monthly Report, March, 1899," SGG, Vol. X, no. 10, 21.4.1899, h. 122.

⁶¹Temuramah dengan Hj. Abdul Wahid bin Ahmad pada 21.4.1973, untuk mengetahui Sejarah ringkas dan peranannya dalam pembukaan kampung tersebut ada diceritakan oleh Basri Sani, "Kampung Bukit Kapar dan Sejarahnya," *Fajar*, bilangan I. 1968, h. 26-29.

⁶²Temuramah dengan anaknya yang juga menjadi Ketua Kampung Meru, Abdul Jabar bin Hj. Sharif, pada 21.4.1973.

⁶³Temuramah dengan Salamon (Hj. Mohd. Yusof) bin Mohd. Rais (Hj. Mansur), pada 18.4.1973.

⁶⁴Temuramah dengan Abdul Ghani bin Haji Naim, pada 20.4.73.

pulan orang-orang Jawa yang dibawa masuk sebagai buruh kontrek di ladang kopi di Pantai Selangor.⁶⁵ Satu penempatan kecil orang-orang Jawa di luar Batu 18, Jalan Sungai Lui, juga telah diasaskan kira-kira pada tahun 1920an.⁶⁶ Di Daerah Kuala Selangor, penempatan orang-orang Jawa dalam jangka masa antara awal abad 20 hingga 1940 adalah berhubung rapat dengan rancangan Kerajaan British untuk membuka tanah bagi pertanian padi sawah di kawasan Tanjung Karang dan Sabak Bernam. Di kawasan ini terdapat juga orang-orang Jawa yang menanam kelapa.⁶⁷

Laporan Jawatankuasa Tanaman Padi tahun 1931 ada menghuraikan mengenai penempatan orang-orang Jawa di daerah Kuala Selangor. Misalnya dalam minit menyuarat yang ketujuh belas, Pegawai Daerah Kuala Selangor menyatakan adanya pemohon-pemohon tanah untuk menanam padi daripada orang-orang Jawa yang berada di Sabak Bernam dan Hilir Perak.⁶⁸ Menurut beliau lagi, seorang dari orang-orang Jawa tersebut yang sedang mengerjakan tanahnya seluas 150 ekar telah memberi pengakuan kepada pegawai daerah itu, bahawa ia boleh membawa masuk orang-orang Jawa yang sedang berada diladang kelapa Teluk Anson bagi mengerjakan pertanian padi seluas 5,000 ekar.⁶⁹ Orang-orang Jawa di Tanjung Karang juga telah membuat permohonan untuk mendapatkan tanah seluas 1,000 ekar bagi penanaman padi. Orang-orang Jawa ini telah membuat taliair sendiri daripada Sungai Bernam dengan membena satu terusan air sepanjang 11 batu bagi mengairi tanaman padi mereka.⁷⁰

Sementara itu Pegawai Daerah Kuala Selangor melaporkan bahawa,

"In 1930, forces by circumstances, certain Malays and Javanese in the Sabak Bernam Subdistrict took up land in this locality [Pancang Pedena dan Sungai Panjang] for padi planting. They cleared some 2000 acres,"⁷¹

Langkah-langkah Kerajaan untuk membuka kawasan-kawasan pertanian untuk penanaman padi di daerah Kuala Selangor⁷² telah menarik minat penghijrah-penghijrah Jawa yang berada di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan daerah itu untuk berhijrah ke daerah tersebut dan turut serta dalam rancangan penanaman padi Kerajaan. Pada tahun 1932, lebih kurang 7,000 ekar sawah padi baru telah dibuka di kawasan Tanjung Karang dan Pancang Pedena.⁷³ Di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam, didapati bahawa orang-orang Jawa di daerah-daerah ini, khususnya di kawasan pertanian padi sawah Tanjung Karang dan Pancang Pedena telah datang pada tahun 1930an, iaitu selepas Kerajaan Selangor mula menjalankan projek pertanian padi di daerah tersebut. Sementara itu penghijrah-penghijrah Jawa di Sabak Bernam Utara, seperti kawasan di Parit Baru dan Sungai Tawar, adalah terdiri dari penghijrah-penghijrah yang pernah tinggal di Perak

⁶⁵D. Radcliff, *The Peopling of Ulu Langat*, "Indonesia, no. 8, October, 1969, h. 181; lihat juga Tunku Shamsul Baharin, "Indonesian in Malaya," Unpublished M.A. thesis, University of Sheffield, Sheffield, 1964' h. 73 dan 75.

⁶⁶Radcliff, *The Peopling*, h. 166.

⁶⁷*Tanjung Karang, The Rice Bowl of Selangor*, Prepared and Published by the Drainage and Irrigation Department, Selangor, Kuala Lumpur. 1964, t.h.

⁶⁸RRCC, Vol. II, 1931, h. 132.

⁶⁹RRCC, II, h. 132.

⁷⁰RRCC, II, h. 134.

⁷¹RPSIERC, h. 10.

⁷²Lihat, RRC, Vol. I and II, 1931 dan RPSIERC, 1935; *Tanjung Karang, The Rice Bowl of Selangor*, 1964.

⁷³FMSAR, 1932, h. 17.

Selatan. Di kawasan itu mereka bekerja sebagai buruh di ladang-ladang getah atau kelapa.⁷⁴ Dari gambaran-gambaran ini dapat dikatakan penempatan orang-orang Jawa di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam bermula dengan ramainya pada tahun 1930an. Tumpuan penempatan mereka adalah di kawasan Pertanian padi. Walau bagaimanapun pekebun-pekebun kecil orang Jawa sudah di dapat di daerah Sabak Bernam Utara sejak tahun 1910an lagi tetapi dalam bilangan yang amat sedikit.⁷⁵

Dalam tinjauan penempatan awal orang-orang Jawa di Selangor, suatu pemerhatian mengenai kerja-kerja dan masaalah dalam pembukaan tanah atau kampung adalah perlu diberikan. Dalam proses membuka tanah pada peringkat awal, mendirikan sebuah pondok kecil atau lebih dikenali dikalangan penghijrah-penghijrah sebagai *gobok*, adalah perlu. Tujuan membina gobok ini ialah untuk dijadikan tempat tinggal sementara dalam masa pembukaan tanah tersebut. Kerja mendirikan pondok kecil ini hanya mengambil masa tidak lebih dari tiga atau empat hari sahaja. Pondok kecil ini biasanya berukuran enam belas kaki lebar dan enam belas kaki panjang dan memadai untuk dua atau tiga orang peneroka itu sahaja.⁷⁶

Bahan-bahan binaan pondok kecil ini adalah terdiri dari kayu-kayu hutan yang terdapat di kawasan sekelilingnya. Pondok kecil ini biasanya mempunyai empat, enam atau lapan tiang. Antara jenis-jenis kayu yang digunakan sebagai tiang ialah meranti, nibong, mahang, teras, pinang raja dan tepis. Dinding dan lantainya diperbuat dari kulit-kulit kayu palas, meranti, pinang hutan dan buluh.⁷⁷ Atapnya diperbuat dari bahan-bahan seperti nipah, daun palas, daun pinang hutan, daun bertam, daun rembia dan lalang.⁷⁸ Pondok kecil ini selain dari berfungsi sebagai tempat berteduh sewaktu meneroka, juga di gunakan untuk menantikan kebunnya mengeluarkan hasil pertamanya, selepas itu barulah mereka akan membina sebuah rumah yang lebih sempurna⁷⁹ dari pondok kecil itu.

Sebelum sesuatu kawasan hutan itu mula dikerjakan, satu acara kenduri *slametan*⁸⁰ yang kecil dijalankan, kenduri ini bertujuan untuk memohon restu dari Tuhan agar tugas

⁷⁴ Temuramah dengan Hj. Abdul Basir bin Hj. Mohd. Awam, pada 6.4.73; Mohd. Salleh bin Asmawi, pada 5.4.73.

⁷⁵ Berdasarkan kepada temuramah dengan responden-responden di c.b. 73,

⁷⁶ Temuramah dengan Hj. Abdul Wahab bin Kassin Muraji, pada 16.5.73; Hj. Alias bin Hj. Yusuf, pada 9.4.73; Hj. Hussein bin Hj. Tahir, pada 9.4.73; Hj. Murshid bin Ahmad Kasawi pada 24.4.74; Sukarno (Hj. Yusuf) bin Resodiwiro pada 25.4.73.

⁷⁷ Di Pulau Jawa, buluh merupakan antara bahan-bahan binaan yang penting dalam pembinaan rumah. Mengikut angka-angka tahun 1930 perbandingan diantara bermacam-macam rumah diseluruh Indonesia, adalah sebagai berikut:- rumah batu 3%, rumah kayu 28%, rumah kayu dan bambu 37% dan rumah bambu 31%. Lihat R. Soewanda Among Prawira, "Bambu sebagai Tanaman yang mempunyai Dayaguna yang Besar," *Dian* no. 6, Tahun X, 1962, h. 4; W.J. Kooper, "The Bamboo in Javanese Life," dalam *Nederlandsch Indie Oud and Nieuw (Netherland India Old and New)*, Van Munsters' edition Ltd., Amsterdam, 1933, h. 129-136.

⁷⁸ Temuramah dengan Hj. Murshid b. Ahmad Kasawi, pada 24.4.73; Menurut responden ini, daun palas, daun pinang hutan dan lalang boleh tahan untuk lebih dari setahun;

⁷⁹ Temuramah dengan responden di c.b. 77.

⁸⁰ Untuk melihat lebih lanjut mengenai *slametan*, sila rujuk Robert R. Jay, *Javanese Villagers*, The M.I.T. Press, Massachusetts, 1969, C. Geertz, *The Religion of Java* Collier — Macmillan Ltd., New York, 1964., H.W. Bachtiar, *The Religion of Java: A Commentary*, "Majalah Ilmu-Ilmu Sastre Indonesia" Djilid V, no. 1 Januari, 1973, h. 86-87, 90-93, 193-104.

meneroka yang merbahaya dan berat dapat dijalankan dengan selamatnya.⁸¹ Di hutan-hutan yang dianggap angker⁸² kenduri slametan sahaja tidak memadai untuk menjamin keselamatan dan kesempurnaan pekerjaan mereka. Oleh itu, salah seorang dari peneroka yang mempunyai kebolehan luar biasa akan mengelilingi kawasan yang akan dikerjakan itu untuk membuang unsur-unsur yang tidak dikehendaki dan dianggap bahaya terhadap peneroka-peneroka. Perkerjaan ini biasanya dijalankan dengan mengambil masa satu malam perjalanan, dari waktu maghrib hingga ke subuh. Selepas itu baharulah dijalankan acara doa selamat.⁸³ Alat perkakas yang digunakan hanyalah parang dan kapak yang dibeli dari tukang besi yang biasanya terdiri dari orang Banjar. Untuk mengelakan kaki dari terkena duri yang merbahaya, peneroka-peneroka telah membuat kasut sendiri dari bahan-bahan kayu dan papan.⁸⁴ Peneroka-peneroka ini mengerjakan hutan itu dengan perasaan nekat dan penuh keyakinan, hingga ada diantara peneroka-peneroka itu yang memulakan penerokaan hutan-hutan itu pada waktu subuh-subuh lagi. Malahan ada pula yang membuat sumpahan bahawa selagi tugas mereka itu belum benar-benar selesai, mereka tidak akan kembali ka Jawa. Adanya usaha-usaha yang gigih ini telah menyebabkan peneroka-peneroka awal itu merasai bangga di atas kejayaan mereka.⁸⁵

Dalam proses penerokaan, para peneroka akan menebas anak kayu dahulu sebelum menebang pokok-pokok yang besar. Kerja-kerja menebang ini akan mengambil masa kira-kira empat hingga enam bulan dan bergantung kepada luas tanah yang di teroka dan juga ramainya tenaga yang mengerjakan. Selepas itu kayu-kayu yang telah ditebang akan dikumpulkan untuk diperun dan dibakar. Dalam masa yang sama atau selepasnya, parit-parit⁸⁶ yang biasanya berukuran tiga kaki lebar dan tiga kaki dalam akan digali untuk mengering lopak-lopak air dan mempercepatkan proses pemerun.

Cara pekerjaan itu dijalankan adalah bergantung kepada tujuannya dan luasnya satu-satu kawasan itu diteroka. Sekiranya tujuan itu ialah untuk membena sebuah kampung, usaha bergotong-royong perlu diadakan.⁸⁷ Ada terdapat satu kawasan di daerah Sabak Bernam yang diteroka melalui perkhidmatan *kerigan*⁸⁸ yang dijalankan pada tiap-tiap hari

⁸¹ Temuramah dengan Method (Hj. Taib) bin Parto, pada 3.4.73. Keadaan yang sama juga berlaku di Pulau Jawa semasa sesuatu desa itu hendak di bentuk. "Sesampainya di dekat tempat dimana koloni (perkampunguan atau perdesaan) akan dibuka, maka pemimpinnnya maju ke depan dan memohon doa restunya Nabi Ilias, putera Nabi Sulaiman yang menguasai hutan-hutan. Ada juga yang memohon doa restu dari Kerong Kolo, raja daripada para pemburu dan adiknya Penuhun, raja dari petani-petani. Bila mana tanahnya sudah dibersihkan dan dibagi, lalu diadakan slamatan. Juga alat-alat untuk membuka semuanya akan direstui. Maka dengan demikian pembangunan satu desa mulai dari permulaan didasari oleh asas keugamaan dan untuk seterusnya, agama menjadi tetap pusat perhatian daripada penghidupan masyarakat pedesaan." (J.H. Boeke, *Batas-batas dari Masyarakat Pedesaan Indonesia*, Bhretara, Djakarta, 1971, h. 21-22).

⁸² Angker ialah perkataan Jawa yang bermaksud sesuatu kawasan (biasanya hutan) yang disyaki mempunyai unsur-unsur yang kurang selamat. Kawasan ini selalunya didiami oleh orang-orang halus(hantu) Lihat, S.J.S. Poewadarminta, *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, P.N. Balai Pustaka, Djakarta, 1966. h. 47.

⁸³ Temuramah dengan Chamhuri bin Hj. Amin, pada 21.4.73. Beliau telah menceritakan kesah ayahnya (Hj. Amin atau lebih dikenali sebagai Mandor Suto) yang pernah mengetuai kumpulan peneroka hutan di kawasan Kg. Batu Empat hingga Batu Tujuh, Jalan Kapar, Kelang.

⁸⁴ Temuramah dengan Hj. Murshid bin Ahmad Kasawi, pada 24.4.73; Mohd. Salleh bin Asmawi, pada 5.4.73.

⁸⁵ Temuramah dengan Rasimin bin Saronawi, pada 1.4.73. Perasaan bangga kerana kejayaan meneroka hutan itu juga telah diakui oleh responden-reponden, di c.b. 75, h. 25.

⁸⁶ Lihat, SAR, 1939, h. 125; H.C. Ridges, Report from the District (Kuala Langat), December, 1890," SGG Vol. II, no. 1, 9.1.1891, h. 9.

⁸⁷ Temuramah dengan Hj. Hussein bin Hj. Tahir, pada 9.4.73; Hj. Abdul Jalal bin Mat Hassan pada 24.4.73.

⁸⁸ *Kerigan* ialah satu jenis perkhidmatan sukarela yang terdapat dikalangan organisasi sosial orang Jawa. Amalan ini masih dikembalikan di beberapa buah kampung di Selangor. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kerigan, lihat K.M. Koentjaraningrat, *Some Social -Anthropological Observation on Gotong Royong Practices in two Villages of Central Java* Cornell University Press, New York, 1961, h. 35-36.

Sabtu, khususnya untuk menolong menghabiskan kerja-kerja yang belum sempurna.⁸⁹ Tanah-tanah yang dibuka secara persendirian oleh sekumpulan kecil peneroka atau kumpulan peneroka adik beradik biasanya akan dikerjakan secara bergilir-gilir.⁹⁰ Tujuan diadakan cara giliran ini ialah supaya kerja-kerja membersihkan hutan itu tidak terbantut kerana cara giliran ini membolehkan setengah-setengah peneroka itu keluar mencari bekalan makanan. Biasanya bekalan makanan diperolehi dengan cara mengambil upah menebas, dan membuat parit di kawasan yang berdekatan dengan tempat penerokaan tersebut. Selain dari itu mereka juga menjual rotan dan nibong.⁹¹

Setelah selesai membersihkan hutan, peneroka-peneroka akan menanam tanam-tanaman yang dapat menampung keperluan harian mereka seperti sayur-sayuran, ubi-ubian, pisang, jagong dan padi bukit. Untuk menambahkan pendapatan mereka sementara menunggu tanam-tanaman mereka itu mengeluarkan hasil, peneroka-peneroka itu akan bekerja sebagai buruh-buruh bebas di ladang-ladang. Biasanya kerja-kerja itu dilakukan di sebelah pagi, sementara di sebelah petang mereka terus mengerjakan kebun-kebun mereka sendiri.⁹² Dalam peringkat penanaman awal ini, satu masalah yang paling rumit ialah mengenai binatang-binatang buas seperti gajah, babi hutan, beruang dan tikus⁹³ yang selalu membinasakan tanam-tanaman mereka. Di kawasan penempatan orang Jawa Kelantan, Kuala Langat, pernah dilaporkan adanya sejumlah peneroka-peneroka terpaksa meninggalkan kebun kopinya kerana tanam-tanaman mereka telah dibinasakan oleh gajah-gajah liar.⁹⁴ D.J. Campbell, Pegawai Daerah Kuala Langat juga telah melaporkan bahawa sebanyak 200 pokok kelapa muda telah dimusnahkan oleh gajah-gajah liar.⁹⁵

Pada tahun 1890an, disamping pembukaan penempatan-penempatan, perkembangan yang penting di Selangor ialah pengenalan pertanian ladang,⁹⁶ dengan kopi sebagai tanaman utamanya.⁹⁷ Pada tahun 1893 seluas 1500 ekar telah ditanam dengan kopi oleh peladang-peladang Eropah,⁹⁸ di Selangor, sementara itu orang-orang Jawa tidak ketinggalan melibatkan diri dalam pertanian kopi ini. Pada tahun 1893, Residen Selangor pernah melaporkan bahawa,

"... the feature of the year in agriculture has been the spread amongst the Malays throughout the state, chiefly foreigners, Javanese and natives of Sumatra, of the cultivation of Liberian coffee."⁹⁹

⁸⁹ Temuramah dengan Hj. Abdul Jalal bin Mat Hassan, pada 24.4.73.

⁹⁰ Temuramah dengan Rasimin bin Sarowani, pada 1.4.73; Mujono (Hj. Karim) bin Astro, pada 3.4.73; Hj. Ismail bin Alim Nawawi, pada 6.4.73; Hj. Abdul Wahab bin Kassim Muraji, pada 16.5.73.

⁹¹ Temuramah dengan Rasimin bin Sarowani, pada 1.4.73; Mujono (Hj. Karim) bin Astro, pada 3.4.73.

⁹² Tunku Shamsul Bahrin, "Indonesian Labour in Malaya," *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol. II, no. 1, 1965 h. 62.

⁹³ Temuramah dengan Method (Hj. Taib) bin Parto, pada 3.4.73; Sukarno (Hj. Yusuf) bin Resodiwiro pada 25.4.73; Hj. Sharif, pada 21.4.73; Salleh bin Maarof, pada 22.4.73.

⁹⁴ *SJ*, Vol. II, no. 26, 7.9.1894, h. 431.

⁹⁵ Lihat, Surat Pegawai Daerah Kuala Langat kepada Pesuruhjaya Tanah, bertarikh 14.1.1891, *SSF* 996/91.

⁹⁶ Jackson, "Population Changes in Selangor," h. 45.

⁹⁷ Untuk meninjau sejarah pertanian kopi hingga awal tahun 1890an, lihat, F.A. Toynbee, "Coffee," *SJ* Vol. I, no. 15, 7.4.1893, h. 238-239.

⁹⁸ O. Marks, "The Malay States before Federation: Selangor forty years ago," *British Malaya*, January, 1934, h. 93.

⁹⁹ *SAR*, 1893, h. 23.

Pada awal tahun 1893, Residen Selangor dalam lawatannya ke daerah Kelang telah pergi ke kawasan-kawasan seperti Jalan Teluk Menegun dan Teluk Pulai. Di Jalan Teluk Menegun beliau telah tertarik hati dengan kemajuan pertanian tempatan di mana beliau mendapati hampir 476 ekar tanah telah ditanam dengan kopi, 346 ekar ditanam dengan kelapa dan 301 ekar ditanam dengan pinang. Di Jalan Teluk Pulai pula, beliau mendapat suatu penempatan orang Jawa seramai 81 orang, serta penempatan orang-orang Melayu dan China seramai 25 orang, yang telah menanam kopi di kawasan seluas 67 ekar, kelapa di kawasan seluas 248 ekar dan pinang dikawasan seluas 34 ekar.¹⁰⁰ Residen Selangor itu telah melapurkan bahawa disamping menanam kopi orang-orang Jawa telah juga menanam jagung, keladi, padi dan ubi kayu.¹⁰¹ Kedatangan orang-orang Jawa pada tahun 1890an telah menarik perhatian setengah pembesar-pembesar Melayu tempatan dan juga peladang British untuk menggunakan mereka sebagai buruh tani atau menyewakan tanah kepada mereka.¹⁰² Kawasan-kawasan yang kurang maju juga mempunyai harapan yang cerah dengan adanya penanaman kopi yang diusahakan oleh orang-orang Jawa dan Eropah.¹⁰³ Sementara itu, permohonan-permohonan tanah untuk tujuan penanaman kopi terus berjalan dengan lancar.¹⁰⁴ Pada pertengahan tahun 1890an, daripada 865 ekar tanah yang diberikan kepada pemohon-pemohon, 788 ekar adalah dikhaskan untuk tanaman kopi¹⁰⁵ dan orang-orang Jawa dilapurkan amat gemar menanam kopi kerana harga pasaran kopi tinggi dewasa itu.¹⁰⁶ Tetapi apabila harga kopi jatuh ke tangga yang paling rendah pada tahun 1899, iaitu \$15.50 sepikul, ianya telah menyebabkan pekebun-pekebun kopi Melayu (termasuk Jawa) mula menanam tanaman yang lain, terutamanya tanaman kelapa.¹⁰⁷

Kejayaan orang-orang Jawa membuka penempatan awal dan usaha-usaha mereka untuk memajukan penempatan tersebut telah menarik perhatian Kerajaan. Laporan-laporan dari pegawai-pegawai British telah menunjukkan rasa puas hati mereka terhadap kemajuan yang telah diberikan oleh penghijrah-penghijrah Jawa itu, umpamanya laporan Pegawai Pemungut Hasil, Daerah Kuala Langat jelas menunjukkan keadaan ini,

"The Javanese at Klanang...and...Tanjong Duabelas have made good progress and I am glad to be able to report satisfactorily on them.¹⁰⁸

Perasaan puas hati terhadap penghijrah-penghijrah Jawa itu juga telah menyebabkan Pegawai Pemungut Hasil Daerah Kuala Langat itu berani melapurkan, bahawa orang

¹⁰⁰ "Notes and News," *SJ*, Vol. I, no. 14, 24.3.1893, h. 210.

¹⁰¹ "Notes of the Resident's visit to District in Selangor, 1894," *SJ*, Vol. II, no. 24, 10.8.1894, h. 399.

¹⁰² Misalnya Tunku Dia-Udin yang mempunyai tanah seluas 2,000 ekar yang belum dikerjakan. Beliau sedang membersihkan seluas 150 ekar darinya dan telah mengatur kerja-kerja untuk membawa masuk orang-orang Jawa untuk tujuan penanaman kopi di atas tanahnya. (*Lihat, SJ*, Vol. II, no. 25, 24.8.1894, h. 414).

¹⁰³ C.F. Stonor, Ulu Langat Annual Report, May, 1986, *SGG*, Vol. VII, no. 15, 19.6.1896, h. 404.

¹⁰⁴ Lihat, Annual Report Klang, 1895, *SGG*, Vol. VII, no. 16, 3.7.1896, h. 608.

¹⁰⁵ "Annual Report Land Department, 1895," *SGG*, Vol. VII, No. 12, 22.5.1896, h. 310.

¹⁰⁶ *SAR*, 1895, h. 21. Pada tahun 1894 dan 1895 harga kopi telah mencapai hingga ke \$40.00 sepikul. J.C. Jackson, *Planters and Spectulators* OUP, Kuala Lumpur, 1968, h. 188.

¹⁰⁷ *SAR*, 1897, h. 607; D.G. Campbell, "Annual Report, Klang 1897," *SGG* (Supplement), no. 26, 23.9.98 h. 3; A. Hale "Report of District Officer Kuala Selangor," *SGG* (Supplement), no. 8, 11.3.1898, h. 87.

¹⁰⁸ Laporan Acting Collector, Kuala Langat kepada Residen, Selangor, January, 1889, *SSF*, 380/89; Laporan District Officer, Kuala Langat, kepada Commissioner of Lands, Selangor, bertarikh 14.1.1891, *SSF* 996/1891.

Jawa di kawasannya adalah "...doing well and the people seem very well contented with their prospect."¹⁰⁹

Kemajuan-kemajuan yang diperlihatkan oleh orang-orang Jawa di kawassn penempatan itu juga telah menyebabkan orang-orang Melayu tempatan mengikuti semangat kerajinan mereka itu seperti mana yang pernah dilaporkan oleh Kerajaan,

"Good work has also been carried out by Javanese planters and even some of the local Malays, following the example of foreign settlers, have commenced to cultivate their holdings in more industrious manner than formerly."¹¹⁰

"...The Javanese holdings at Kampong Java and Telok Pulau set an example of industry which might well be copied by natives of the district."¹¹¹

Malahan pada keseluruhannya pegawai-pegawai British amat berpuas hati dengan kemajuan yang ditunjukkan dalam bidang pertanian. Hasil kebun-kebun pinang dan pisang juga sangat menggalakan. Hasil-hasil ini telah dapat di eksportkan ke negeri-negeri Selat.¹¹² Kejayaan penempatan awal orang-orang Jawa dapat mempengaruhi pentadbir-pentadbir British untuk memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap mereka. Seorang pegawai pentadbir British pernah mencadangkan betapa elok sekiranya kerajaan mengadakan dua orang penghulu untuk orang-orang Jawa di daerah Pantai Kuala Langat dan beliau mempunyai harapan yang penuh bahawa setiap kawasan yang dibuka oleh orang-orang Jawa akan memperolehi kemajuan dari segi pertaniannya.¹¹³ Dalam hal ini peranan ketua dikalangan orang-orang Jawa amat penting untuk membawa kejayaan dalam pembentukan penempatan. Umpamanya, Haji Kei Kadir telah dapat menunjukkan pimpinan yang baik terhadap kemajuan penempatan dan pertanian orang-orang Jawa di Kelanang,¹¹⁴ Kuala Langat, hingga telah menyebabkan orang-orang Jawa di Tanjong Duabelas pindah ke kawasan penempatannya itu.¹¹⁵ Malahan peri pentingnya pimpinan ketua yang cekap dan baik dalam satu-satu penempatan orang-orang Jawa juga dapat dilihat melalui tinjauan penempatan Jawa di tempat-tempat lain, seperti rancangan kolonisasi di Sumatra pada tahun 1903,

"Everyone who is familiar with Javanese conditions understands that colonization on a large scale has chance of success only if the Javanese receive an area where under their own leaders and administrative system, they devote themselves quietly to agriculture as the mainstay of their livelihood."¹¹⁶

¹⁰⁹Laporan Acting Collector, Kuala Langat kepada Residen, Selangor, March, *SSF* 1129/89.

¹¹⁰*SAR*, 1895, h. 9, *SAR* 1896, h. 33.

¹¹¹Surat Senior District Officer, Klang kepada Commissioner of Lands, Selangor, bertarikh 26.1.1891, *SSF*, 996/91; Surat Senior District Officer, Klang kepada Government Secretary, Kuala Lumpur, bertarikh 13.2.1891, *SSF* 1167/91; *SAR* 1890, h. 9; *SGG*, Vol. II, no. 17, 13.2.1891, h. 461.

¹¹²Surat Senior District Officer Klang kepada Commissioner of Lands, Selangor, bertarikh 26.1.1891, *SSF* 996/91; Surat Senior District Officer, Klang kepada Government Secretary, Kuala Lumpur, bertarikh 13.2.1891, *SSF*, 1167/91.

¹¹³W.W. Skeat, "Kuala Langat Monthly Report, September, 1896." *SGG* no. 30, 20.11.1896, h. 758.

¹¹⁴Laporan Acting Collector, Kuala Langat kepada Residen, Selangor, January, 1889, *SSF* 380/89.

¹¹⁵Laporan District Officer, Kuala Langat kepada Commissioner of Lands Selangor, bertarikh 14.1.1891 *SSF* 996/91.

¹¹⁶Karl J. Pelzer, *Pioneer Settlement in the Asiatic Tropic: Studies inland Utilization and Agricultural Colonization in Southeast Asia*, American Geographical Society, New York, 1948, h. 192.

Oleh itu dikalangan orang-orang Jawa, ketua adalah merupakan orang yang penting dalam menentukan kejayaan satu-satu penempatan awal. Kepentingan ketua tersebut bukan sahaja di waktu proses penerokaan dimulakan, malahan akan berterusan dalam menguruskan segala hal ehwal dan kemajuan kampungnya.

Nama kampung-kampung yang dibuka oleh orang-orang Jawa kebanyakannya mengandungi perkataan Jawa di dalamnya, dan ini banyak didapati di Selangor.¹¹⁷ Kampung Jawa adalah merupakan salah satu nama Kampung yang paling mudah untuk dikenali bangsa peneroka awalnya. Selain dari nama kampung yang benar-benar menggambarkan bangsa peneroka awalnya, terdapat juga nama-nama seperti Padang Jawa dan Assam Jawa.¹¹⁸ Perkataan *Padang* disini sebenarnya mempunyai maksud bersih atau terang. Nama Padang Jawa itu ujud adalah hasil dari penerokaan yang dibuat oleh orang-orang Jawa.¹¹⁹ Penamaan Assam Jawa, di Kuala Selangor pula dikatakan kerana kampung ini asalnya banyak terdapat pokok-pokok Asam Jawa yang mungkin ditanam oleh orang-orang Jawa yang mula-mula membuat penempatan disitu.¹²⁰

Dari tinjauan mengenai proses kedatangan penghijrah-penghijrah Jawa di Selangor, dapat dilihat beberapa ejen penghijrah yang terdiri dari orang Eropah dan Jawa yang mempunyai peranan utama dalam membawa masuk penghijrah-penghijrah Jawa tersebut. Daripada rekod-rekod resmi, penghijrah-penghijrah Jawa yang awal kebanyakan adalah terdiri dari golongan-golongan buruh dan disini ejen-ejen pengambil professional Eropah memang mempunyai peranan yang penting. Dalam masa Kerajaan British Malaya berkehendakan buruh-buruh Jawa, khususnya antara tahun-tahun 1880an dan 1890an, terdapat ejen-ejen pengambil buruh secara haram (kumpulan sindiket) yang menjalankan perdagangan membawa masuk buruh-buruh Jawa secara penipuan. Sementara itu, sejak awal abad kedua puluh hinggalah menjelang Perang Dunia Kedua, ejen-ejen penghijrahan Jawa yang lebih dikenali sebagai *Sheikh* telah mengambil peranan utama dalam membawa masuk orang-orang Jawa di Selangor dan Malaya amnya. Peranan Sheikh ini bukan sahaja untuk membekalkan buruh-buruh Jawa dengan harga yang murah, tetapi juga berfungsi sebagai ejen penghijrahan dan perjalanan seperti ejen-ejen penghijrahan Eropah. Di kalangan penghijrah-penghijrah juga pernah terdapat kes-kes yang datang secara persendirian, iaitu tidak melalui mana-mana ejen tetapi ini merupakan kes-kes tertentu. Biasanya penghijrah-penghijrah yang datang secara persendirian adalah orang yang terlibat dalam kegiatan politik atau kerana minggat. Namun demikian dilihat dari cara-cara kedatangan penghijrah Jawa itu dapat menggambarkan kedudukan latar-belakang atau sebab-sebab mereka itu berhijrah. Sebahagian besar dari orang yang berhijrah melalui ejen Sheikh adalah merupakan orang yang benar-benar susah dari segi kehidupan ekonominya. Peluang-peluang untuk mencapai kehidupan yang lebih baik di Selangor, khususnya tawaran tanah yang masih banyak untuk diteroka adalah merupakan daya penarik untuk penghijrah-penghijrah itu merelakan diri mereka di jual oleh Sheikh-sheikh kepada penebus-penebus mereka.

¹¹⁷ Misalnya Kampung Jawa, Padang Jawa, Assam Jawa.

¹¹⁸ S. Durai Raja Singam dan Teuku Iskandar dalam bukunya masing-masing memberikan maksud padang itu sebagai satu kawasan tanah lapang (misalnya pada permainan atau padang untuk kegiatan sukan). S. Durai Raja Singam juga tidak memberikan huraian tentang asal usul ujudnya nama Padang Jawa itu. (Lihat, S. Durai Raja Singam, *Malayan Place Names* t.t.p., Singapore, 1957, h. 1891; Iskandar, *Kamus Dewan*, h. 791.

¹¹⁹ Temuramah dengan Hajah Rugayah bte Hj. Salleh, pada 7.5.73

¹²⁰ Temu mah dengan Hj. Abd. Wahab b. Kassan Muraji, pada 16.5.73.

Dalam proses pembukaan penempatan awal, penghijrah-penghijrah Jawa telah dapat menunjukkan ketekunan dan kesungguhan mereka bagi menjayakan penempatan dan dijadikan sebagai kawasan pertanian. Di sini memperlihatkan bahawa Kerajaan adalah berpuas hati dari segi kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada penghijrah-penghijrah seperti kelonggaran cukai tanah, pinjaman wang kepada peneroka-peneroka awal meluluskan segala permohonan tanah pertanian dan meluluskan Undang-undang Tanah Simpanan Orang-Orang Melayu, yang mana orang-orang Jawa juga adalah termasuk dalam golongan yang berhak dalam undang-undang tersebut. Hal ini dapat dilihat dari lapuran-lapuran Kerajaan tentang kemajuan-kemajuan yang telah ditunjukkan oleh peneroka-peneroka Jawa. Kecekalan dan kegigihan peneroka-peneroka semasa pembukaan tanah juga adalah merupakan satu perkembangan yang penting dalam sejarah penempatan Selangor. Kepentingan itu bukan sahaja dari segi cara dan proses pembukaan itu dijalankan, tetapi juga dari kejayaan yang dicapainya sehingga dapat perhatian dari Kerajaan British dan juga masyarakat Melayu tempatan.